

Sains, Islam bukan asing

Oleh FAUZI JAAFAR
(WARTAWAN UTUSAN)

APABILA memperkatakan tentang sejarah sains Islam, kita tidak lari daripada menyebut nama tokoh ini - Profesor Dr. Fuat Sezgin.

Walaupun namanya agak asing, tetapi bagi sarjana yang mengkaji sejarah sains Islam, beliau begitu terkemuka kerana memiliki lebih kurang 800 bahan pameran berkaitan sejarah sains Islam.

Kesemua bahan pameran itu ditempatkan di Institut Sejarah Sains Arab-Islam, Universiti Johann Wolfgang, Goethe, Frankfurt, Jerman dan beliau adalah pengarah institut itu.

Beliau juga merupakan pengasas institut tersebut yang ditubuhkan pada tahun 1982.

Salah satu matlamat penubuhan institut itu ialah untuk memperkembangkan pengetahuan tentang

U.M. MSU 10/1/07

Orang Islam tidak perlu berasa asing dan semestinya kembali belajar serta menyesuaikan diri dengan budaya sains Barat sehinggalah benar-benar berada pada landasan untuk menyumbang kembali pencapaian ilmuwan sains Islam seperti zaman kegemilangan tamadun Islam

Perkhidmatan Palang dari Persekutuan Republik Jerman (1982) serta Anugerah Palang Utama Perkhidmatan Kehormat Order of Merit, Persekutuan Republik Jerman (2001).

Usaha beliau dalam mengembalikan kegemilangan ilmuwan dan saintis Islam tidak mudah untuk dipertikaikan lagi.

Ini kerana Dr. Fuat mengabdikan diri selama 30 tahun dalam mengkaji dan menghasilkan replika serta model bagi menunjuk-

kan dalam bidang sains, matematik, perubatan, psikologi dan lain-lain, tambah beliau.

Kemunculan ilmuwan Islam ini telah menunjukkan satu transisi ke arah kegemilangan tamadun Islam yang dikagumi dan dicemburui oleh tamadun-tamadun lain.

Ketika itu, tamadun Islam amat dihormati dan disanjung oleh beberapa tamadun lain terutamanya Eropah yang ketika itu berada dalam zaman kegelapan.

Apabila tamadun Islam berkem-



nyebarkan pengetahuan tentang kedudukan yang sewajarnya diperoleh oleh kebudayaan Arab-Islam dalam sejarah sejagat ilmuwan sains dalam bidang penyelidikan dan pengajaran.

Dr. Fuat, 83, dilahirkan pada 24 Oktober 1924 di Istanbul, Turki. Beliau merupakan seorang doktor falsafah lulusan Universiti Istanbul, Turki dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Bahasa dan Kesusasteraan Parsi, Islamologi serta Matematik.

Beliau memegang jawatan sebagai seorang profesor di Fakulti Falsafah, Universiti Istanbul dari tahun 1961- 1963.

Antara karya yang dihasilkan beliau ialah buku *Buhdri Nin Kay Naklan Hakkinda Arastirmalar* yang bermaksud 'Sumber-sumber Al-Bukhari' diterbitkan pada 1956 di Istanbul, naskhah *Sejarah Sains Arab* yang telah diterbitkan sebanyak 13 jilid dari tahun 1967 hingga 1995 serta penerbitan sebanyak lima jilid *Sains dan Teknologi Dalam Islam*.

Antara anugerah yang pernah diperoleh beliau ialah pemenang tempat pertama Hadiah King Faisal untuk pengajian Islam pada 1978, Pingat Goethe (1979), Anugerah Kelas Pertama Persekutuan

kan hasil ciptaan ilmuwan sains Islam silam.

Usaha beliau itu juga berbaloi kerana Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menubuhkan Kursi Profesor Dr. Fuat Sezgin bagi membolehkan ilmu dan kajian profesor itu dikongsi bersama dengan sarjana tempatan.

Penubuhan kursi itu diumumkan pada majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Profesor Dr. Fuat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL-CC) kelmarin.

Dr. Fuat dalam syarahannya selepas menerima ijazah tersebut berkata, ketika zaman pengembangan agama Islam iaitu di bawah pentadbiran Nabi Muhammad s.a.w., umat Islam telah mula mementingkan ilmu pengetahuan.

Sebagai contoh katanya, tawanan perang bukan Islam yang cerdik diminta mengajar kanak-kanak Islam dengan ilmu pengetahuan sebelum dibebaskan.

Dengan pendekatan seperti itu, kanak-kanak Islam yang dididik dari awal telah mula menunjukkan minat kepada ilmu pengetahuan dan mula berkembang untuk muncul sebagai seorang pa-

bang sehingga ke Cardo, orang Eropah mengambil kesempatan untuk menimba dan menuntut ilmu daripada saintis-saintis Islam ini.

Dr. Fuat menambah, sarjana Islam ketika itu telah membangunkan ilmu sains dan menghasilkan cabang-cabang dalam ilmu sains serta memperkukuhkan asas ilmu tersebut.

Dan kemudiannya, ilmu sains tersebut berkembang di zaman era Eropah dan terdapat usaha untuk memperkembangkannya lagi ke Barat.

"Pada abad ke-10 era Eropah, ketika ilmu sains berkembang dengan pesat, saintis mula mencari jalan untuk menyebarkan-nya. Lualan awal untuk proses penyebaran bermula dari Sepanyol ke Perancis, kemudiannya ke England, Eropah Tengah dan Itali.

"Bagi lualan kedua, dari Sicily ke Itali dan lualan ketiga melalui Byzantium," kata Dr. Fuat.

Beliau memberitahu, penerimaan dan penyusuaian sains Islam ketika itu berjalan dengan baik tetapi penyebarannya tidak melalui ketiga-tiga lualan tersebut.

Bagaimanapun katanya, setelah berlakunya zaman kegelapan



DR. FUAT SUZGIN

dalam tamadun Islam dan tidak munculnya generasi baru ahli sains Islam, beberapa penyelewengan fakta telah berlaku.

"Nama penulis-penulis Arab sering kali digugurkan semasa terjemahan dilakukan, beberapa hasil kerja mereka dianggap sebagai karya penulis terkemuka Greek," kata beliau.

Beliau memberitahu, apabila sains Islam menuju era kemalapan dan kemerosotan kreativiti pada abad ke-10, orang Eropah mengambil kesempatan untuk menguasai ilmu tersebut dan menyebarkan-nya.

Lebih kurang 200 tahun kemudian, beberapa orang Barat merancang tanggapan baru apabila mengaitkan kemajuan sains Ero-

pah secara langsung mempunyai kaitan dengan Greek, sekali gus melupakan sama sekali kreativiti sains Islam pada abad kelapan, jelas beliau.

Sebagai seorang yang pakar, beliau turut menasihatkan orang Islam supaya tidak mengasingkan diri dengan penciptaan sains yang kini dikuasai oleh dunia Barat.

"Orang Islam tidak perlu bera- sa asing dan semestinya kembali belajar serta menyesuaikan diri dengan budaya sains Barat sehingga benar-benar berada pada landasan untuk menyumbang kembali pencapaian ilmuwan sains Islam seperti zaman kegemilangan tamadun Islam," katanya.